

TEKS UCAPAN

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) *MOBILE* NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024

17 NOVEMBER 2024 (AHAD)
2.30 PETANG

DEWAN PERDANA TAMPIN, TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias
Exco (Kanan) Kerajaan Negeri Sembilan merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, Pertanian Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup

Yang Berhormat Tuan Veerapan A/L Superamaniam
Exco Kerajaan Negeri Sembilan merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berhormat Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa
Ahli Parlimen Tampin

Yang Berhormat Tuan Suhaimizan bin Bizar
Ahli Dewan Undangan Negeri Gemencheh

Yang Berbahagia Dato' Dr. Roslan bin Mahmood
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Yang Berusaha Tuan Mohd Fadhil bin Hassan
Pegawai Daerah Tampin

Yang Berusaha Puan Suriani binti Salihan
Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin

Wakil-Wakil Kementerian Jabatan/Agensi

Ketua-Ketua Kampung

Seterusnya para hadirin sekalian.

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.

SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI, SALAM LUAR BANDAR SEJAHTERA.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena **Program Pusat Komuniti Desa (PKD) *Mobile* Negeri Sembilan** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Tampin dan Majlis Daerah Tampin.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias, Exco (Kanan) Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Berhormat Tuan Veerapan A/L Superamaniam, Yang Berhormat Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa dan Yang Berhormat Tuan Suhaimizan bin Bizar atas kesudian melapangkan masa untuk hadir ke program ini.

3. Saya merasa amat bertuah dan berbesar hati kerana dapat berhimpun dan bersua muka dengan pemimpin-pemimpin di peringkat Negeri Sembilan, pegawai-pegawai dan anggota pelaksana daripada Kementerian/Jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak swasta di dalam satu program.

4. Sesungguhnya, kehadiran dan penglibatan semua pada hari ini adalah cerminan kepada semangat kebersamaan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk di luar bandar seperti di Daerah Tampin ini.

5. Tahniah dan syabas kepada pihak urus setia, Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) selaku penganjur program bersama-sama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Tampin, Majlis Daerah Tampin dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) selaku penganjur bersama yang menjayakan program PKD *Mobile* ini. Program PKD *Mobile* ini merupakan Siri ke 4 pada tahun ini setelah dilaksanakan di Labuan, Jerantut dan Miri sebelum ini.

PENDAHULUAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Program Komuniti Desa (PKD) *Mobile* ini adalah salah satu langkah yang diambil oleh KKDW dalam usaha mendekati dan menyantuni penduduk luar bandar melalui tawaran perkhidmatan dan penyaluran maklumat secara bergerak kepada masyarakat desa. Melalui PKD *Mobile* ini, pihak Kerajaan dapat menyalurkan bantuan dan maklumat

terus kepada tuan/puan melalui perkhidmatan daripada Jabatan/ Agensi Kerajaan samada KKDW dan yang lain-lain termasuk pihak swasta.

7. Berdasarkan **Aspirasi Desa Makmur** bagi Tahun 2024, program PKD Mobile juga berupaya dijadikan sebagai satu manifestasi kearah mengaplikasikan empat tunjang utama Aspirasi Desa Madani yang diilhamkan oleh YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW iaitu **(D) mewakili Data dan Digital, (E) mewakili Ekonomi dan Ehsan, (S) mewakili Sosial dan Sahsiah dan (A) mewakili Akaliah dan Alam Sekitar**.

8. Untuk makluman semua, Pusat Komuniti Desa (PKD) berbentuk fizikal yang sebelum ini dikenali sebagai *Rural Transformation Center* (RTC) dan Mini RTC merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam usaha untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar selari dengan moto PKD iaitu **"Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan".** Sehingga kini terdapat sebanyak 191 buah PKD di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Di Negeri Sembilan ini terdapat 10 buah PKD yang setiap satunya diuruskan oleh seorang Pengurus.

9. Secara umumnya, PKD memberi khidmat kepada masyarakat luar bandar melalui **lima (5) fungsi dan peranannya** iaitu yang pertama, sebagai **pusat latihan kemahiran** di mana pelbagai latihan kemahiran dianjurkan contohnya kemahiran dalam bidang hidroponik, pengurusan kewangan, pembuatan produk kraftangan, pembuatan sabun, pembaikan peralatan elektrik dan sebagainya. Pengurus PKD turut berperanan membantu mereka yang berhasrat untuk menjadi usahawan setelah memperolehi kemahiran yang diperolehi daripada latihan kemahiran yang saya sebutkan tadi.

10. Kedua, PKD juga berperanan sebagai **Pusat Aktiviti Pemerkasaan Wanita** iaitu melalui program-program seperti latihan kemahiran dan kesedaran berkaitan kesihatan wanita, bimbingan keusahawanan wanita dan sebagainya. Sebagai contoh latihan kemahiran masakan, jahitan, kek dan pastri, gubahan bunga dan sebagainya.

11. Seterusnya yang ketiga, ia juga berperanan sebagai **Pusat Perkhidmatan Setempat** di mana dari semasa ke semasa Jabatan/Agensi Kerajaan atau swasta seperti POS Malaysia, Tabung Haji, Jabatan Pendaftaran Negara, JPJ, KKM dan sebagainya akan dijemput untuk mereka mengadakan perkhidmatan bergerak di PKD**.** Selain itu**,** PKD turut berperanan sebagai **Pusat**

Sukarelawan melibatkan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bila mana berlakunya bencana seperti banjir dan sebagainya, selain turut berperanan sebagai **Pusat Pengumpulan Produk Usahawan Desa**. Malah, dari segi pendigitalan yang hangat diperkatakan sekarang, PKD turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan literasi digital di kalangan komuniti luar bandar melalui program-program yang dilaksanakan di PKD.

PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2025 BAGI PROGRAM PEMERKASAAN PUSAT KOMUNITI DESA (PKD)

Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'-Dato' dan para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Bagi memastikan peranan PKD kawasan luar bandar terus diperkasa, peruntukan keseluruhan Kementerian telah bertambah pada tahun 2025 berbanding tahun lepas iaitu daripada RM11.55 billion kepada RM11.96 billion pada tahun 2025. Manakala untuk bajet PKD pada tahun ini adalah sebanyak RM4 juta turut mengalami penambahan RM1 juta menjadikannya RM 5 juta untuk tahun 2025. Bagi tempoh RMKe-12, iaitu dari tahun 2021 hingga Oktober 2024, sebanyak 23,203 program telah dilaksanakan oleh PKD di seluruh

negara melibatkan program-program yang saya telah sebut tadi yang mana telah memanfaatkan kira-kira 619,243 orang penduduk luar bandar di seluruh negara khususnya yang tinggal di sekitar lokasi PKD tersebut.

PKD *MOBILE* SEBAGAI *GAME CHANGER* KESEJAHTERAAN RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'- Dato' dan para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dengan hasrat untuk memastikan perkhidmatan kepada penduduk luar bandar lebih menyeluruh dan inklusif, maka bermula tahun lepas **Program PKD *Mobile*** telah diperkenalkan dan dijadikan sebagai salah satu daripada Program Utama KKDW. Ia bertujuan memperluas perkhidmatan PKD sedia ada termasuk perkhidmatan Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta dalam bentuk kaunter perkhidmatan yang akan bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar yang terpilih. Ia juga boleh dianggap sebagai satu program *reach out* Kementerian bagi menyantuni penduduk-penduduk di luar bandar.

14. Pada tahun 2024, program ini akan terus dilaksanakan kerana terbukti mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat

setempat di 3 lokasi yang telah dilaksanakan PKD *Mobile* tahun lepas iaitu di Grik Perak, Nabawan Sabah dan di Kota Samarahan, Sarawak dan pada tahun ini iaitu di Wilayah Persekutuan Labuan; Kuala Tahan, Jerantut, Pahang dan Niah, Miri, Sarawak.

15. Secara umumnya, pelaksanaan program ini melibatkan **kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan PKD** sedia ada atau yang terletak jauh dari bandar, bagi membolehkan komuniti di kawasan itu mendapatkan perkhidmatan bukan hanya daripada PKD malah perkhidmatan-perkhidmatan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain termasuk pihak swasta tanpa perlu membuat perjalanan yang jauh.

16. Manfaat yang boleh diperoleh daripada program ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu pertama, penduduk dapat mengetahui dan seterusnya membuat permohonan bantuan-bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan, kedua, mendapatkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan dan ketiga khidmat nasihat oleh Jabatan/Agensi Kerajaan di kaunter bergerak selain aktiviti-aktiviti sampingan lain yang disediakan.

17. Sepanjang dua hari ini iaitu Sabtu dan Ahad, terdapat pelbagai bentuk bantuan, perkhidmatan, khidmat nasihat dan aktiviti disediakan kepada penduduk di Tampin ini. Saya difahamkan bahawa sejumlah 22 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk swasta yang turut bersama-sama dengan PKD *Mobile* pada hari ini. Oleh itu, saya ingin merakamkan setingi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penyertaan dari semua Kementerian/Jabatan/Agensi dan pihak swasta yang menjayakan Program PKD *Mobile* pada kali ini. Suka saya sebutkan di sini Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan tersebut adalah seperti berikut:

i. KKDW melalui Bahagian di bawahnya iaitu Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK), Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD), Bahagian Kesejahteraan Rakyat (KR), KKDW;

ii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA);

iii. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);

iv. Majlis Amanah Rakyat (MARA);

v. GIATMARA;

vi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN);

vii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

viii. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);

ix. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);

x. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

xi. Jabatan Penerangan Malaysia;

xii. Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Tampin;

xiii. Radio Televisyen Malaysia (RTM);

xiv. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);

xv. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC);

xvi. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);

xvii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);

xviii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan;

xix. Pejabat Pendidikan Daerah Tampin;

xx. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin;

xxi. Majlis Daerah Tampin;

xxii. TM Technology Services Sdn. Bhd.

18. Selain itu, pelbagai aktiviti-aktiviti lain yang turut dijalankan untuk dua hari ini seperti latihan kemahiran berkaitan mengarang tanjak, kursus membuat *keychain*, dekorasi seni belon, kursus pembuatan beg

paku, *Art of Decoupage* turut dilaksanakan khusus untuk penduduk Tampin. Terdapat juga aktiviti sampingan seperti Senamrobik, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Cabutan Bertuah, Kuiz Kahoot, Permainan Dam Aji dan Dam Ular Gergasi serta pertandingan Sukaneka Desa.

19. Tidak cukup dengan itu, di atas keprihatan Kerajaan Madani juga, atas dasar untuk mengurangkan beban sara hidup rakyat selama dua hari ini dibawakan Jualan Rahmah yang diterajui oleh **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** menawarkan harga barang-barang keperluan seperti beras, minyak masak, gula dan lain-lain di bawah harga pasaran semasa sebanyak antara 10% - 30%.

PERANCANGAN DAN HALA TUJU PKD *MOBILE*

Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'- Dato' dan para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Sebagaimana saya telah sebut tadi, PKD *Mobile* di Tampin ini merupakan siri PKD *Mobile* yang keempat dan satu lagi sasaran PKD *Mobile* adalah di Sabah pada bulan Disember.

21. Selain PKD *Mobile*, Kementerian turut merancang melaksanakan 13 siri Mini PKD *Mobile* di setiap negeri di seluruh negara yang mana Mini PKD *Mobile* ini dilaksanakan mengikut konsep yang sama dengan PKD *Mobile* tetapi pada skala yang lebih kecil dan lokasi program juga lebih jauh dari bandar atau di pedalaman.

22. Pada tahun 2024 juga, Kementerian telah melaksanakan *Turn Around* PKD bertujuan memberi nafas baharu kepada PKD. Kerajaan sentiasa berusaha memberikan keselesaan kepada rakyat dalam penyampaian perkhidmatan khususnya di PKD-PKD. Ini termasuklah menggantikan komputer-komputer dan peralatan ICT, penggantian alat penghawa dingin dan perabot-perabot di PKD.

23. Selain itu, antara usaha-usaha penambahbaikan lain yang sedang dan akan dilaksanakan di PKD termasuklah:

    i. Mewujudkan Pasukan Sukarelawan PKD secara *ad-hoc*;
    ii. Mewujudkan Gerbang Utama Info Desa (GUIDE), satu laman web berpusat yang akan memuatkan segala info yang berguna untuk penduduk luar bandar;
    iii. Mewujudkan Pusat Jualan di semua PKD;

iv. Pewujudan Program Kesedaran Mengenai Keganasan terhadap Wanita melalui kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW); dan,

v. Program Pengindahan PKD

24. Untuk tahun ini, segala inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan secara rintis terlebih dahulu di lapan (8) buah PKD yang terpilih. Sekiranya inisiatif ini berjaya, kita akan memperluaskan pelaksanaan tersebut kepada semua PKD.

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'- Dato' dan para hadirin yang dihormati sekalian,

25. Dengan adanya peluang dan inisiatif yang telah dirancang oleh Kementerian, saya berharap supaya sinergi kerjasama dan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di samping oleh pihak swasta terus diperkukuh dalam melaksanakan segala yang telah dirancang dengan jayanya.

26. Harapan saya agar program ini dapat diteruskan secara konsisten kerana saya yakin bahawa ianya dapat memberi impak yang

signifikan kepada kesejahteraan masyarakat di luar bandar khususnya di Parlimen Tampin ini.

27. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program PKD *Mobile* ini.

28. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Program PKD *Mobile* di Dewan Perdana Tampin, Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG

TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

17 November 2024